


# 'China bukan negara pesaing'

Hubungan baik dengan kuasa besar dijalin demi manfaat ekonomi



Daripada Mohd Nasaruddin Parzi di Beijing  
bhnews@bh.com.my



Perdana Menteri ketika menyampaikan syarahan umum di Universiti Tsinghua, Beijing, semalam.

**Beijing:** Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, tidak akan membenarkan mana-mana kuasa besar membuat keputusan dan menentukan hala tuju serta masa depannya, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak melihat China sebagai pesaing, apatah lagi ancaman, walaupun persaingan di antara negara tanah besar itu dengan

Amerika Syarikat (AS) berterusan hingga kini.

"Ada yang menghubungi saya, bertanyakan seolah-olah saya ini sudah dilihat pro-China. Realitinya sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia perlu membina hubungan baik dengan semua negara termasuk China dan AS.

"Malaysia sebagai sebuah ne-

gara berdaulat dan merdeka, berhak menentukan hala tuju sendiri. Kita juga harus mengekalkan kedudukan ini dalam ASEAN, kerana ASEAN ditubuhkan sebagai zon bebas dan berkecuali," katanya ketika menjawab soalan seorang peserta yang menghadiri sesi syarahan umum di Universiti Tsinghua, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, Malaysia gembira dengan hubungan baik yang sedia terjalin di antara negara ini dengan China dan ia wajar terus diperkukuh.

Tegasnya, China dan AS juga perlu memahami bahawa hubungan diplomasi antarabangsa yang dinamik hari ini sudah berubah

dan konflik Russia-Ukraine yang berterusan menjejaskan masyarakat di seluruh dunia.

"Zaman penjajahan dan imperialisme baharu sudah berlalu. Tiada negara boleh menentukan (sesiapa saja). Rakyat mahu menuntut kebebasan mereka dan memutuskan apa yang terbaik untuk diri dan negara mereka," katanya.